

SATU TINJAUAN UMUM TENTANG SEJARAH PERKEMBANGAN  
UMNO KULIM (KEDAH SELATAN) 1946 - 1963  
DALAM KONTEKS NEGERI KEDAH DAN NASIONAL AMNYA

OLEH

MAHIRAN BINTI KHALID

LATIHAN ILMIAH

UNTUK

SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN SYARAT-SYARAT  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG  
1983

UNTUK:

EMAK DAN SEISI KELUARGA.

v bn  
- fac 295  
Maz May

## K A N D U N G A N

### Muka Surat

PRAKATA	i - ii.
SINOPSIS	iii.
SENARAI KEPENDEKAN	iv.
PENDAHULUAN	vii.
BAB I : SEPINTAS LALU KEDUDUKAN ILMU ALAM DAN SEJARAH POLITIK KULIM DALAM KONTEKS NEGERI KEDAH DAN NASIONAL AMNYA SEBELUM MALAYAN UNION.	1.
BAB II : PENTADBIRAN DAN KRISIS UMNO BAHAGIAN KULIM DALAM KONTEKS NEGERI KEDAH DAN NASIONAL AMNYA.	54.
BAB III : PERJUANGAN DAN KEJAYAAN UMNO BAHAGIAN KULIM DALAM KONTEKS NEGERI KEDAH DAN NASIONAL AMNYA.	98.
RUMUSAN:	127.
BAHAN RUJUKAN:	133.
SENARAI NAMA RESPONDEN:	142.
<u>SENARAI LAMPIRAN-LAMPIRAN</u>	145.
LAMPIRAN A : PETA I : PEMBAHAGIAN MUKIM DAERAH KULIM.	
LAMPIRAN B : DOKUMEN KESATUAN MELAYU KEDAH UNTUK MENJADI AHLI UMNO YANG BERDAFTAR TERUS.	

- LAMPIRAN C : RAJAH I: STRUKTUR PENTADBIRAN KESATUAN MELAYU KEDAH SEBELUM MEMASUKI UMNO.
- LAMPIRAN D : SURAT PERMOHONAN HENDAK MENJADI AHLI UMNO YANG BERDAFTAR
- LAMPIRAN EI : DOKUMEN MENGENAI MESYUARAT UNTUK MERESMIKAN UMNO BAHAGIAN KEDAH SELATAN DI SEKOLAH ARAB, KULIM.
- LAMPIRAN E2 : PENYATA TAHUNAN UMNO BAHAGIAN KEDAH SELATAN 1954-1955.
- LAMPIRAN F : STRUKTUR PENTADBIRAN UMNO BAHAGIAN KULIM (KEDAH SELATAN)
- LAMPIRAN G : SURAT BANTAHAN PENYATA PILIHANRAYA 1954.
- LAMPIRAN H : JADUAL I: KEDUDUKKAN UNDI DAN KERUSI PARTI YANG MEMERINTAH DALAM PILIHANRAYA PERSEKUTUAN 1955, 1959 DAN 1964.
- LAMPIRAN I : JADUAL II: KEDUDUKKAN KAWASAN PILIHANRAYA DAN JUMLAH PENGUNDI YANG BERDAFTAR UNTUK PILIHANRAYA PERSEKUTUAN 1955.
- LAMPIRAN J : JADUAL III: KEPUTUSAN PILIHANRAYA PERSEKUTUAN BAGI NEGERI KEDAH 1955.
- LAMPIRAN-K : JADUAL IV: KEPUTUSAN PILIHANRAYA NEGERI KEDAH: UNDI YANG DIPEROLEHI OLEH PARTI-PARTI DAN CALUN BEBAS.

- LAMPIRAN L : JADUAL V: KEDUDUKAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGERI KEDAH YANG DITETAPKAN  
OLEH KERAJAAN NEGERI KEDAH
- LAMPIRAN M : SENARAI NAMA PEJABAT/JABATAN  
DAERAH KULIM
- LAMPIRAN N : JADUAL VI: RANCANGAN KEMAJUAN PERTANIAN  
DI DAERAH KULIM
- LAMPIRAN O : JADUAL VII: PERUSAHAAN GETAH (TANAM SEMULA)  
KUMPULAN WANG B - DITANAM BAGI DAERAH  
KULIM ANTARA TAHUN 1952-1961
- LAMPIRAN P : JADUAL VIII RANCANGAN JABATAN PATI DAN  
TALIAIR KULIM 1966-1970
- LAMPIRAN Q : JADUAL IX: LAPURAN KEMAJUAN SYARIKAT-  
SYARIKAT KERJASAMA DALAM DAERAH KULIM  
DARI 1966 HINGGA 31HB. DISEMBER 1967
- LAMPIRAN R : JADUAL X: RANCANGAN-RANCANGAN KECIL YANG  
DISEMPURNAKAN SEHINGGA 1967.

PRAKATA

Pertamanya saya mengucapkan syukur kehadiran Allah (s.w.t) yang telah memberikan hidayahnya dan telah menganugerahkan kekuatan lahir dan bathin kepada saya di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Terlebih dulu saya ingin ucapkan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Ahmad bin Mohd. Ali, kerana tunjuk ajar beliau yang tidak ternilai dalam membantu saya menyiapkan latihan ilmiah ini sama ada di dalam memberi penerangan dan juga membaca rangka latihan ilmiah saya ini sehingga siap. Juga tidak lupa saya mengucapkan terima kasih saya kepada pensyarah saya Puan Jan Wissemam selaku penasihat saya, serta Doktor Sidhu.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Cikgu Khalid responden-responden saya yang lain yang telah banyak membantu saya semasa penyelidikan dijalankan di daerah kajian saya. Mereka juga telah sudi memberikan maklumat-maklumat yang berguna kepada saya untuk melengkapkan latihan ilmiah ini dan memberikan saya sumber-sumber yang terdapat dalam simpanan mereka.

Terima kasih juga saya tujukan kepada semua kakitangan Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara cawangan Utara, Pejabat UMNO Kulim, Perpustakaan Kulim, Pejabat Daerah Kulim dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan kerjasama mereka disepanjang penyelidikan ini di jalankan.

Sekian, Terima Kasih.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
Pulau Pinang.

Mahiran binti Khalid,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
Pulau Pinang.

Sinopsis:

Latihan ilmiah ini adalah bertujuan untuk mengutarakan satu tinjauan mengenai perkembangan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau lebih dikenali sebagai UMNO dengan memberi perhatian khusus di daerah Kulim (Kedah Selatan) dalam konteks negeri Kedah dan Nasional amnya.

UMNO yang telah ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua, bertujuan untuk mendapatkan kemerdekaan daripada pihak Inggeris. Intipati daripada latihan ilmiah ini akan menekankan bagaimana sambutan orang-orang Melayu di daerah Kulim khususnya dan Kedah amnya terhadap penubuhan UMNO ini dan apakah usaha-usaha yang mereka jalankan untuk menjadikan UMNO bahagian Kulim ini mendapat sambutan daripada orang ramai.

Mengenai period yang menjadi tinjauan penulis ialah di antara tahun-tahun 1946 hingga ke tahun 1963 yang mana pada pandangan penulis jangka masa ini adalah merupakan satu jangka masa yang penting untuk ditinjau. Tahun 1946 adalah merupakan tahun awal detik-detik penubuhan UMNO yang penuh dengan cabaran sama ada bagi pemimpin-pemimpinnya dan juga ahli-ahlinya. Dalam hal ini Kulim adalah merupakan satu daerah yang bersejarah di dalam melahirkan UMNO ini, iaitu di bawah seorang ketua yang terkenal iaitu, Tuan Haji Ahmad Mohamad Ali (beliau sebagai pengerusi UMNO di peringkat permulaan penubuhannya pada 1953).

Sementara itu, tahun 1963 pula merupakan tahun penubuhan Malaysia, di mana Tanah Melayu telah digabungkan dengan Singapura, Sabah dan Sarawak. Penulis juga akan melihat sejauhmana UMNO Bahagian Kulim ini telah memainkan peranannya dan sejauhmana mereka telah mencapai kejayaan di dalam memberikan sumbangan mereka terhadap penduduk-penduduk Kulim



khasnya dan negara amnya dalam politik tanah air.

Di dalam bab pertama; penulis akan menerangkan secara ringkas pergerakan politik orang-orang Melayu menentang Malayan Union khususnya di daerah Kulim dalam konteks negeri Kedah dan Nasional amnya. Penulis juga akan menyentuh serba sedikit keadaan daerah Kulim semasa pemerintahan Jepun dan selepas Jepun. Sementara itu pengaruh yang membawa kepada wujudnya badan-badan siasah ini, juga akan dibincang. Pergerakan politik orang-orang Melayu Semenanjung juga akan di tinjau secara sepintas lalu kerana apa yang berlaku di peringkat kebangsaan seringkali mempengaruhi keadaan di daerah Kulim ini. Bab ini juga akan meninjau secara sepintas lalu tentang pertumbuhan- pertumbuhan siasah yang berorganisasi di Kulim sebelum UMNO di samping memperlihatkan bagaimana Kesatuan Melayu Kedah memainkan peranannya hingga tertubuhnya UMNO.

Bab Kedua; penulis akan menerangkan bagaimana pentadbiran UMNO bahagian Kulim dijalankan. Perkara-perkara seperti cara-cara UMNO bahagian ini menubuhkan cawangannya memilih ketua-ketua dan melantik ahli jawatankuasa juga akan dilihat. Disamping itu bab ini juga akan melihat bagaimana UMNO bahagian ini mengendalikan soal-soal kewangan, mesyuarat dan perhubungan dengan UMNO pusat. Di sini akan memperlihatkan bagaimana UMNO Kulim menghadapi pilihanraya termasuk kemenangan dan kekalahan yang diterima serta cabaran-cabaran yang dihadapi daripada parti-parti lawannya.

Bab Ketiga; Di sini akan dititik beratkan ialah tentang krisis yang telah pernah berlaku dalam UMNO bahagian ini. Penulis akan melihat mengapa berlakunya krisis ini, sejauhmanakah krisis ini telah berpanjangan, serta langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya dan juga apakah akibat-akibat terhadap politik, ekonomi dan sosial daerah ini.

Kemudian bab ini seterusnya akan meninjau pula tentang perjuangan UMNO yang dilihat dari segi matlamat, manifesto dan dasar-dasarnya. Selain daripada itu bab ini juga akan melihat hasil yang ditunjukkan oleh UMNO bahagian ini terhadap perkembangan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial penduduk-penduduk Kulim khasnya ahli UMNO sendiri, dan juga kepada negara amnya. Bab ini juga akan melihat beberapa kelemahan UMNO bahagian ini.

Rumusan pula lebih merupakan pandangan penulis mengenai perkembangan UMNO bahagian Kulim sejak 1946 hinggalah ke tahun 1963 serta apakah pentingnya UMNO bahagian ini terhadap UMNO pusat dan orang-orang melayu amnya.